



#MyDigitalMaker Fair 2021 dilancarkan

🕒 11/10/2021 02:57 PM



CYBERJAYA, 11 Okt -- #MyDigitalMaker Fair 2021, pameran utama oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) yang berhasrat untuk mengubah belia Malaysia daripada pengguna digital kepada pengeluar digital, dianjurkan sekali lagi secara maya pada tahun ini.

Pameran #MyDigitalMaker Fair 2021, merupakan penganjuran tahun kedua di platform maya, dari 11 Okt hingga 21 Nov berlangsung dalam siri lima bahagian dengan memberi tumpuan kepada lokaliti tertentu – Perak, pantai timur, Kedah, Sabah, serta wilayah tengah dan selatan.

“Setiap siri direka untuk memberi pengunjung pengalaman digital melalui pelbagai program menarik – kesedaran laluan kerjaya, bengkel membuat digital untuk guru dan pelajar, kandungan

pembelajaran sendiri, pertandingan, webinar dan pameran,” menurut MDEC dalam kenyataan hari ini.

Pameran digital ini menyediakan peluang pengalaman serta memberi inspirasi kepada generasi masa depan untuk memulakan laluan kerjaya dalam teknologi digital sejajar dengan Rangka Tindakan EKonomi Digital malaysia (MyDIGITAL).

Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa dalam kenyataan berkata inisiatif seperti #mydigitalmaker Movement MDEC bertujuan memainkan peranan penting untuk mentransformasikan ‘Keluarga Malaysia’ menjadi celik digital, bagi mencapai matlamat MyDIGITAL dan Rancangan Malaysia Ke-12.

“Kita mesti membuktikan masa depan anak-anak kita dengan kemahiran penting yang akan membantu mereka berkembang maju dalam ekonomi digital yang berkembang pesat,” kata Annuar.

Menurut MDEC sehingga kini lebih 2.2 juta kanak-kanak mendapat manfaat daripada inisiatif itu melalui integrasi pemikiran dan pengekodan pengkomputeran ke dalam kurikulum sekolah kebangsaan, aktiviti kokurikulum di sekolah serta aktiviti luar kurikulum di lebih 60 Hab Pembuat Digital dan oleh rakan ekosistem #mydigitalmaker.

Untuk menyediakan lebih banyak kandungan tempatan di peringkat akar umbi, MDEC berkata pameran maya pada tahun ini turut dianjurkan bersama oleh lima rakan strategik – Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jazari Robot Resources, Kerajaan Negeri Kedah melalui Kedah Digital Centre, iTrain Kids Sdn Bhd dan Petrosains Sdn Bhd.

Pameran maya itu akan dimulakan dengan sesi Perak, yang juga diperluaskan ke Pulau Pinang dari 11 hingga 15 Okt yang peserta boleh menyertai bengkel dan sesi perkongsian oleh Digital Perak Corporation Holdings, Universiti Teknologi PETRONAS, Persatuan STEM Kebangsaan (cawangan Perak) dan Asia Drone IoT Technologies.

“Setiap pameran akan berlangsung selama seminggu untuk memberi komuniti tempatan masa yang mencukupi untuk mengakses lebih daripada 100 bengkel, webinar dan tutorial yang dianjurkan untuk pelajar dan guru,” menurut MDEC.

Pameran #MyDigitalMaker Fair 2021 juga menampilkan kandungan eksklusif daripada pelbagai pemain teknologi dan komunikasi seperti TikTok Malaysia, IBM Malaysia, PlayStation Studios Malaysia, Digi Telecommunications dan Maxis, serta organisasi bukan bermotifkan keuntungan tempatan dan antarabangsa seperti UNICEF Malaysia dan Code.org.

Sejak ditubuhkan pada 2017, acara #MyDigitalMaker telah mewujudkan kesedaran mengenai inovasi dan kreativiti digital kepada lebih 82,000 peserta.

-- BERNAMA